

## Keburukan Gejala Mat Rempit

Isu mat rempit kerap menjadi bahan perbincangan di kalangan media massa dan pihak polis. Sejak kebelakangan ini, isu mat rempit kelihatan semakin menjadi-jadi. Pada pandangan saya, isu ini mesti dipandang serius oleh masyarakat. Jika isu ini tidak ditangani, masyarakat dan negara akan menghadapi masalah yang lebih besar pada masa hadapan. Budaya mat rempit yang semakin berleluasa dewasa ini telah mendatangkan beberapa kesan buruk sama ada dalam jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang.

Keburukan gejala mat rempit yang pertama ialah (1) \_\_\_\_\_.

Hal ini kerana, budaya merempit adalah salah di sisi undang-undang jalan raya. Jika mat rempit ditangkap oleh pihak polis, dia boleh didakwa di mahkamah dan dikenakan (2) \_\_\_\_\_. Tempat-tempat yang lazimnya menjadi tumpuan mat rempit ialah di jalan raya tertentu yang dikatakan mencabar untuk aktiviti merempit dan dilakukan pada hujung minggu. Gejala ini juga boleh (3) \_\_\_\_\_ dan menakutkan ibu bapa jika mat rempit didapati bersalah dan ditahan oleh pihak polis.

Di samping itu, mat rempit juga boleh (4) \_\_\_\_\_.

Masyarakat berasa tidak selamat lagi apabila berada di jalan raya kerana takut (5) \_\_\_\_\_ dengan aktiviti merempit. (6) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ juga menjadi bising kerana bunyi motosikal mat rempit yang kuat akibat diubahsuai yang boleh (7) \_\_\_\_\_.

Dalam sesetengah kes, terdapat mat rempit membuli pengguna jalan raya yang dikatakan cuba menghalang aktiviti merempit mereka. Kes mat rempit membelasah pemandu kereta adalah salah satu contoh bahawa aktiviti mat rempit semakin menjadi-jadi dan mendatangkan kesan negatif kepada masyarakat.

Aktiviti mat rempit juga telah mengakibatkan (8) \_\_\_\_\_ di seluruh negara. Kemalangan jalan raya ini akan menyebabkan kerosakan harta benda, kecederaan dan kehilangan nyawa. Keadaan ini pastinya akan (9) \_\_\_\_\_ dan klinik yang sememangnya penuh dengan pesakit. Dalam sesetengah kes, kecederaan parah dan kehilangan nyawa berlaku akibat pertembungan beberapa buah motosikal. Oleh itu, pihak Kementerian Kesihatan terpaksa memperuntukkan wang yang banyak bagi mengubati kecederaan akibat merempit.

Aktiviti mat rempit juga telah (10) \_\_\_\_\_. Hampir

setiap minggu pihak polis terpaksa mengadakan operasi membanteras kegiatan mat rempit.

(11) \_\_\_\_\_ untuk menangkap mat rempit yang merempit. Terdapat juga di kalangan anggota polis yang cedera dilanggar oleh mat rempit dalam operasi pencegahan yang dijalankan. Sesungguhnya, keadaan ini amat membimbangkan kerana gejala ini boleh menambahkan masalah kepada pasukan keselamatan dan negara.

Di samping itu, kegiatan mat rempit juga boleh (12) \_\_\_\_\_.

Kegiatan mat rempit yang berleluasa ini jelas menunjukkan bahawa golongan remaja di negara kita menghadapi masalah sosial yang agak serius. (13) \_\_\_\_\_ usaha kerajaan memajukan

sektor pelancongan. Para pelancong mungkin berasa tidak selamat ketika berada di jalan raya kerana mereka bimbang akan bertembung dengan kegiatan mat rempit. Apabila pelancong berasa sudah tidak selamat lagi berada di negara kita, mereka mungkin tidak akan datang lagi melancong ke Malaysia dan keadaan ini amatlah merugikan rakyat dan negara kita.

Kesimpulan daripada perbincangan di atas ialah gejala mat rempit banyak keburukannya kepada (14) \_\_\_\_\_. Oleh yang demikian, langkah-langkah untuk mengatasi gejala mat rempit ini perlu dibuat dengan segera. Pada pendapat saya, (15) \_\_\_\_\_ amat diperlukan agar gejala mat rempit ini dapat dihapuskan seratus peratus. Adalah malang bagi negara kita jika memiliki golongan remaja yang sengaja mencari masalah dan menyusahkan orang ramai. Jika perlu, kerajaan patut mengambil (16) \_\_\_\_\_ bagi menangani isu ini.

<p>tindakan undang-undang yang tegas 严厉的法律行动          menyusahkan dan menakutkan 造成困扰和害怕          bertembung 碰上          menjejaskan imej golongan remaja dan imej negara 损害青少年与国家形象          kegiatan ini pasti menggagalkan 这项活动必定破坏          telah menambah beban pasukan polis 增加警方负担          pihak polis juga terpaksa berkorban masa dan berjaga malam 警方也被迫牺牲时间熬夜执法          mengganggu kehidupan masyarakat 干扰社会生活</p>	<p>tindakan undang-undang 法律行动          menyusahkan diri sendiri 为自己带来麻烦          rakyat dan negara 人民与国家          suasana sekeliling 周围环境          pertambahan dalam bilangan kemalangan jalan raya 交通意外数量增加          kerjasama daripada semua pihak 各方面的合作          mengganggu kehidupan masyarakat 干扰社会生活          menambahkan beban pihak hospital 增加医院负担</p>
---	---